



جدوال وقت سمبهيغ

APRIL 2024
RAMADHAN 1445H - SYAWAL 1445H
رمضان ١٤٤٥هـ - شوال ١٤٤٥هـ

Hari	Masihi	Hijrah	الصبح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
			Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya'
Isnin	1	22	5.00	6.32	1.09	4.38	7.38	8.55
Selasa	2	23	4.58	6.30	1.09	4.39	7.39	8.56
Rabu	3	24	4.56	6.28	1.09	4.4	7.41	8.57
Khamis	4	25	4.53	6.25	1.08	4.41	7.43	8.59
Jumaat	5	26	4.51	6.23	1.08	4.42	7.44	9.00
Sabtu	6	27	4.49	6.21	1.08	4.42	7.46	9.02
Ahad	7	28	4.47	6.19	1.08	4.43	7.48	9.04
Isnin	8	29	4.44	6.16	1.07	4.44	7.49	9.05
Selasa	9	30	4.42	6.14	1.07	4.45	7.51	9.06
Rabu	10	1	4.40	6.12	1.07	4.46	7.53	9.08
Khamis	11	2	4.38	6.10	1.07	4.47	7.54	9.09
Jumaat	12	3	4.36	6.08	1.06	4.47	7.56	9.11
Sabtu	13	4	4.33	6.05	1.06	4.48	7.58	9.13
Ahad	14	5	4.31	6.03	1.06	4.49	7.59	9.14
Isnin	15	6	4.29	6.01	1.06	4.50	8.01	9.16
Selasa	16	7	4.27	5.59	1.05	4.50	8.03	9.18
Rabu	17	8	4.25	5.57	1.05	4.51	8.04	9.18
Khamis	18	9	4.22	5.55	1.05	4.52	8.06	9.20
Jumaat	19	10	4.20	5.53	1.05	4.53	8.08	9.22
Sabtu	20	11	4.18	5.51	1.04	4.53	8.09	9.23
Ahad	21	12	4.14	5.48	1.04	4.54	8.11	9.25
Isnin	22	13	4.12	5.46	1.04	4.55	8.13	9.27
Selasa	23	14	4.10	5.44	1.04	4.56	8.14	9.27
Rabu	24	15	4.07	5.42	1.04	4.56	8.16	9.29
Khamis	25	16	4.05	5.40	1.04	4.57	8.18	9.31
Jumaat	26	17	4.03	5.38	1.03	4.58	8.19	9.31
Sabtu	27	18	4.00	5.36	1.03	4.58	8.21	9.33
Ahad	28	19	3.58	5.34	1.03	4.59	8.23	9.35
Isnin	29	20	3.57	5.33	1.03	5.00	8.24	9.35
Selasa	30	21	3.54	5.31	1.03	5.00	8.26	9.37



Hari Raya Aidilfitri*

(Hari Rabu, 10 April 2024M bersamaan 01 Syawal 1445H)



Easter Monday

(Hari Isnin, 01 April 2024M bersamaan 22 Ramadhan 1445H)

* Tertakluk kepada hasil penglihatan anak bulan Syawal

ISTIQAMAH SIFAT TERPUJI

Sesungguhnya orang yang istiqamah dalam beribadah, beramal kebajikan, berakhlak mulia dalam mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya dijanjikan dengan pelbagai ganjaran oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah SWT dalam surah Fusilat ayat 30 tafsirnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka (sambil berkata:) Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.”

Terdapat beberapa pengajaran yang terkandung dari ayat Al-Qur'an tersebut berhubung dengan orang yang istiqamah dalam amalnya, antaranya ialah:

Pertama: Seseorang yang istiqamah dalam beriman dan amal ibadatnya akan selalu didatangi oleh para malaikat dan ia merupakan satu keuntungan kepada diri orang tersebut disebabkan kedatangan malaikat itu membawa rahmat kepadanya.

Kedua: Seseorang yang istiqamah, tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, kuat keyakinannya dan kukuh pendirian kepada Allah SWT

Ketiga: Orang yang istiqamah tidak mudah berasa sedih apabila kehilangan sesuatu kerana ia tahu bahawa semua itu adalah memang milik Allah SWT.

Keempat: Orang yang istiqamah juga akan mendapat balas syurga yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Oleh itu, apa yang kita amalkan dan kerjakan di sepanjang bulan Ramadhan bersama keluarga di rumah sama ada fardhu mahupun yang sunat seperti mengerjakan sembahyang fardhu berjemaah, sembahyang-sembahyang sunat, bertadarus, berzikir, berdoa, qiamulail, bersedekah dan sebagainya, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat supaya kita terus berusaha meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT.

Ramadhan mendidik kita untuk menjadi hamba Allah yang bertaqwa dan beriman dengan terus istiqamah melakukan segala amal kebajikan di bulan-bulan lain dan bukan melakukannya secara berkala atau bermusim. Sesungguhnya sifat istiqamah itu merupakan sifat terpuji dan sangat dituntut oleh Allah SWT serta ia termasuk dalam sifat-sifat Islam. Perkara ini telah disebut dalam sebuah hadis.

Daripada Sufyan bin Abdullah Tsaqofi Radiallahu Anhu, aku berkata, “Ya Rasulullah! Ucapkanlah kepadaku sesuatu perkataan mengenai Islam, (di mana) aku tidak bertanyakan kepada seseorang pun melainkan kepadamu. Sabda Rasulullah SAW: “Ucapkanlah! Aku beriman dengan Allah dan kemudian hendaklah kamu beristiqamah denganNya.” (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Petikan Khutbah Jumaat 21 April 2023